



TIGA FOKUS UTAMA SEBAGAI AMANAT
MEMASUKI TAHUN BAHARU 2025 - MB

Buletin بواليتین دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1446H | 29 DIS 24 – 2 JAN 25

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PBT KELUARKAN EMPAT
PERMIT HIBURAN MALAM
TAHUN BAHARU 2025

KELANTAN KELUARKAN BERAS
SENDIRI PERTENGahan 2025
- EXCO PERTANIAN

BANK ISLAM SALUR RM100,000
DANA ZAKAT BANTU MANGSA
BANJIR KELANTAN

TAHUN BAHARU PELUANG PERBAHARUI AZAM DAN PERKUKUH PENCAPAIAN – MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 1 Januari – Tahun baharu disifatkan sebagai detik terbaik untuk memperbaharui azam, memperbaiki kelemahan, dan memperkuatkukan pencapaian yang telah diraih.

Demikian menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud.

Beliau menyeru rakyat Kelantan untuk memulakan tahun 2025 dengan penuh kesyukuran atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.

“Menginjak ke tahun baharu ini, marilah kita memulakan langkah dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT atas segala nikmat yang diberikan.

“Ini adalah waktu untuk kita menggandakan usaha, mem-



perkuatkukan azam, dan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan,” katanya dalam kenyataan rasmi sempena sambutan tahun baharu, hari ini.

Katanya lagi, 2025 juga menjadi cabaran bagi kerajaan negeri untuk terus memaksimakan kebaji-

kan, kemakmuran, dan keberkatan kepada rakyat Kelantan.

“Saya mendoakan agar tahun baharu ini akan diberi kekuatan kepada saya dan seluruh kepimpinan kerajaan negeri untuk melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin demi kemaslahatan rak-

“
Menginjak ke tahun baharu ini, marilah kita memulakan langkah dengan penuh kesyukuran kepada Allah SWT atas segala nikmat yang diberikan.”

yat negeri ini,” ujarnya.

Beliau turut menyeru agar seluruh rakyat Kelantan terus bersatu dan bekerjasama dalam memacu pembangunan negeri ke arah yang lebih cemerlang, selaras dengan agenda Kelantan Sejahtera 2033.



REJAB DAN AGENDA PENYATUAN: EXCO DAKWAH SERU KEHARMONIAN UMMAH

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 1 Januari - Dalam perutusan bersempena 1 Rejab hari ini, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penyeungan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat Daudmenekankan kepentingan menjadikan bulan suci ini sebagai medan memperkuuh keharmonian dan penyatuhan ummah.

Menerusi kenyataan rasmi, beliau memetik sabda Rasulullah SAW daripada Abi Bakrah RA yang bermaksud:

“Waktu berputar sebagaimana keadaannya ketika Allah SWT menciptakan langit dan bumi. Satu tahun terdiri daripada dua belas bulan, daripadanya terdapat empat bulan yang haram (suci) iaitu tiga daripadanya mengikut turutan (Zulkaedah, Zulhijjah dan Muhamarram) dan yang keempat adalah Rejab Mudhor terletak antara Jumadi al-Akhir dan Sya’ban.” (Riwayat al-Bukhari)

Menurut YB Mohd Asri, bulan haram seperti Rejab berfungsi sebagai tempoh yang diberkati untuk menghentikan konflik dan memperkuuh persefahaman.

Tradisi genjatan senjata dalam sejarah Islam sewajarnya menjadi



iktibar kepada umat hari ini untuk menanam nilai harmoni dan toleransi, bukan sahaja dalam kehidupan bermasyarakat tetapi juga dalam hubungan sesama umat Islam,” katanya.

Sehubungan itu, YB Mohd Asri menerusi rakyat Kelantan khususnya umat Islam agar memanfaatkan bulan Rejab dengan mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, melaksanakan segala tuntutan-Nya, serta meninggalkan segala larangan-Nya. Beliau

turut menegaskan bahawa mempertahankan Islam sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh merupakan kewajipan setiap individu Muslim.

“Sebagai negeri yang kaya dengan nilai budaya dan keharmonian, Kelantan mampu menjadi model kepada agenda menjaga keharmonian antara kaum. Walaupun kita berbeza agama dan bangsa, toleransi dan penghormatan terhadap perbezaan adalah kunci kepada masyarakat yang sejahtera,” ujarnya.

Mengulas isu khilaf dalam kalangan umat Islam, beliau mengingatkan agar tidak membesarakan perbezaan sehingga mencari hubungan sesama Muslim. Menurutnya, menghargai penyatuhan jauh lebih utama daripada terperangkap dalam pertikaian yang merugikan agama dan bangsa.

Rejab turut mengingatkan umat Islam akan kehadiran Ramadan yang mulia, bulan yang terdapat di dalamnya malam penuh keberkatan, Lailatul Qadar. Beliau mengajak masyarakat memanfaatkan bulan Rejab dan Syaaban sebagai persiapan rohani bagi menyambut Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Mengakhiri ucapannya, YB Mohd Asri menerusi umat Islam agar tidak melupakan saudara seagama yang sedang dizalimi di bumi Palestin, Syria, dan negara-negara lain.

“Semoga Allah SWT memberikan nusrah-Nya kepada mereka dan menghancurkan musuh-musuh yang menzalimi dan semoga Rejab ini membawa kita ke arah kebaikan, diakhiri dengan husnul khatimah dan kehidupan yang sentiasa dalam rahmat Allah SWT,” tambahnya.

PBT KELUARKAN EMPAT PERMIT HIBURAN MALAM TAHUN BAHARU 2025



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Disember- Pihak Berkuastra Tempatan (PBT) telah mengeluarkan empat permit hiburan sambutan ambang tahun tahun baharu 2025, malam ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Helmi Abdulllah berkata, empat permit itu melibatkan Majlis

Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Majlis Daerah Tumpat (MDT) dan Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM).

“MPKB-BRI mengeluarkan satu permit sempena program Monsoon Food Festival di Asian Village, Tunjong.

“Di Tanah Merah, pihak MDTM telah mengeluarkan dua permit untuk persembahan di Kir Barat di Dataran Muhibbah Taman Barakah dan di jambatan Gulliemard, manakala MDT mengeluarkan satu permit bagi persembahan nyanyian di Wat Machimaran, Kampung Jubakar Darat.

“Saya berharap pihak pengajur yang terlibat agar sentiasa mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan dan tidak melanggar

syarat permit yang dikeluarkan, “katanya menerusi satu kenyataan sebagaimana laporan BERNAMA, pada Ahad.

Mengulas mengenai Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan 2024, YB Hilmi berkata, penggubalan enakmen tersebut membolehkan kawalan lebih ketat dan tegas terhadap sebarang pengajuran aktiviti hiburan di negeri Kelantan.

“Penggubalan enakmen tersebut juga selari dengan hasrat pihak berkuastra negeri untuk menukar pegawai peleson hiburan daripada ketua jajahan kepada yang dipertua (YDP) PBT,” katanya.

Antara perubahan dalam enakmen baharu tersebut ialah kadar denda kesalahan dan kompaun di-

naikkan ke tahap maksimum iaitu RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk rekod, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan 2024 telah diluluskan di Persidangan Dewan Negeri Kelantan pada November 2024 dan akan berkuatkuasa pada Januari 2025.



K E S E J A H T E R A A N

TIGA FOKUS UTAMA SEBAGAI AMANAT MEMASUKI TAHUN BAHARU 2025 - MB

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 1 Januari – Umat Islam diseru menitikberat tiga fokus utama sebagai panduan memasuki tahun baharu 2025, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Menurutnya, pengajaran daripada ayat ke-18 surah al-Hasyr menjadi asas kepada tiga fokus tersebut iaitu beriltizam dengan taqwa, bermuhasabah terhadap amalan, dan mengutamakan kehidupan akhirat.

“Beriltizam dengan takwa bermaksud meningkatkan kepatuhan kepada perintah Allah SWT serta menjauhkan diri daripada larangan-Nya.

“Bermuhasabah pula ialah menilai setiap amalan dan perbuatan agar selari dengan syariat Allah SWT. Sementara itu, mengutamakan kehidupan akhirat mengingatkan kita bahawa dunia hanyalah persinggahan untuk bersiap sedia menuju kehidupan yang kekal abadi,” katanya.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud

Beliau turut menekankan kepentingan mengaplikasikan ketiga-tiga fokus ini dalam semua as-



pek kehidupan, sama ada sebagai individu, pekerja, atau dalam konteks pentadbiran kerajaan.

“Dengan menghayati nilai ini, tahun 2025 mampu menjadi lebih produktif, inovatif, dan berdaya saing, seterusnya membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada rakyat, negeri, dan negara,” katanya dalam ucapan amanat sempena Majlis Sambutan Ambang Tahun Baharu 2025 di sebuah pasar raya di Tunjong, di sini, malam tadi.

Dato' Mohd Nassuruddin turut memaklumkan bahawa sambutan ambang tahun baharu anjuran Ker-

ajaan Negeri Kelantan menggunakan pendekatan tersendiri yang kini menjadi ikutan beberapa negeri lain.

“Tema ‘Anak Muda Berselawat’ dengan pengisian rohani yang menghidupkan jiwa adalah pendekatan terbaik dan amat relevan dengan situasi semasa,” jelasnya.

Beliau turut menyeru masyarakat untuk memulakan tahun baharu dengan rasa syukur atas nikmat Allah SWT, memperbaharui azam, memperbaiki kelemahan dan memperkuuhkan pencapaian.

Majlis sambutan tersebut dihad-

iri ribuan peserta terdiri daripada golongan muda dan masyarakat pelbagai lapisan.

Program bermula dengan solat Maghrib dan Isyak berjemaah, disusuli kuliah Maghrib oleh Ustaz Harryanto Rizal Rokman, bacaan ayat suci al-Quran, selawat, dan kuliah ambang tahun baharu oleh Ustaz Wadi Annuar Ayub.

Amanat tahun baharu disampaikan oleh Menteri Besar menjadi kemuncak acara sebelum majlis ditutup dengan bacaan doa oleh Imam Besar Negeri Kelantan, Dr. Muhamad Hana Pizi Abdullah.

KELANTAN KELUARKAN BERAS SENDIRI PERTENGAHAN 2025 - EXCO PERTANIAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Disember- Kerajaan Negeri Kelantan berusaha mengeluarkan dan memasarkan beras sendiri pada pertengahan 2025, kata Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi, YB

Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Menurutnya lagi, jangkaan tersebut berdasarkan usaha yang sedang dilakukan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama syarikat swasta untuk menyiapkan kilang padi bagi memproses beras di kampung Meranti Pasir Mas.

Kilang tersebut akan memproses beras keluaran Kelantan dengan jenama Beras Agro Darulnaim.

“Sekarang ini, kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PK-PN) bersama syarikat swasta sedang giat menyiapkan sebuah kilang padi untuk memproses beras

di kampung Meranti, Pasir Mas.

“Mengikut pemaju, proses pembinaan kilang tersebut telah mencapai 75 peratus dan proses mengeluarkan beras akan bermula pada pertengahan tahun 2025.”

Beliau berkata demikian dalam sesi temu bual bersama Ketua Biro Harakah, Mazlan Jusoh dan wartawan Arif Ismail di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim pada 23 Disember lalu.

Tambah beliau lagi, sebelum ini ada padi yang diusahakan oleh pesawah-pesawah di Kelantan diproses di negeri lain seperti Terengganu, Kedah dan Selangor.

“Kalau kita lihat data yang dike-

luarkan oleh Pusat Kawal Selia Padi, sebelum ini terdapat sekitar 80 peratus padi yang diusahakan oleh pesawah-pesawah di negeri Kelantan diantar ke negeri lain termasuk Terengganu, Kedah dan Selangor untuk diproses.

“Insya Allah, dengan siapnya kilang padi di Meranti, padi dari pesawah Kelantan akan diproses di situ,” katanya.

Untuk rekod, apabila kilang tersebut siap sepenuhnya, ia dijangka mampu untuk memproses antara 30,000 hingga 40,000 tan matrik padi pada satu-satu masa. Sekali gus menjamin sekuriti makanan negeri dan negara.

AMANAT MB KELANTAN 2025: PEMERKASAAN PROGRAM SOSIAL DAN KEBAJIKAN FOKUS UTAMA KERAJAAN NEGERI



Memperkasa Program Sosial Dan Kebajikan

Pemantauan rapi dan laporan kemajuan secara berkala berpandukan **Standard Pengurusan dan Pentadbiran Pusat Khidmat DUN** adalah untuk memastikan keberkesanan program

sat Khidmat DUN, jabatan dan agensi di peringkat daerah akan diperkuuh bagi mencapai objektif tersebut.

“Saya menegaskan kepada semua Pusat Khidmat DUN agar kekal menjadi sebahagian daripada usaha besar ini. Pemantauan rapi dan laporan kemajuan secara berkala berpandukan Standard Pengurusan dan Pentadbiran Pusat Khidmat DUN adalah untuk memastikan keberkesanan program.

“Jangan sekali-kali kita alpa atau mengambil ringan tanggungjawab ini, kerana kejayaan usaha ini adalah kejayaan kita bersama,” ujarnya dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 dan Himpunan Penjawat Awam Negeri Kelantan 2025, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau turut memberi penghargaan kepada Skuad Kita Cakna yang telah memainkan peranan penting dalam menjadi penggerak kebajikan dalam kalangan masyarakat.

“Tahniah kepada Skuad Kita Cakna yang telah berperanan sebagai penggerak kebajikan antara masyarakat dan Pusat Khidmat DUN sekali gus memperkuuhkan penyelaras dan pengesahan keperluan kebajikan di peringkat komuniti,” ujarnya.



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 2 Januari 2025 – Pemerkasaan program sosial dan kebajikan menjadi fokus utama Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2025.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud menegaskan, matlamat utama ker-

ajaan negeri adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kebajikan yang lebih cekap, berkesan dan menyeluruh kepada rakyat menerusi program seperti Bantuan Rumah Dhuafa’, Skim Al-It’am, Al-Musa’adah, Bantuan Khas Al-Barakah dan pelbagai inisiatif kebajikan lain terus dilaksanakan dengan penuh dedikasi.

Katanya, kerjasama antara Pu-

TAHNIAH TERENGGANU, SEBATAN SYARIAH TERBUKA LANGKAH EFEKTIF DIDIK MASYARAKAT

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 30 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu atas pelaksanaan hukuman sebatan syariah secara terbuka yang disifatkan sebagai langkah efektif mendidik masyarakat selaras dengan maqasid syariah.

Tindakan tersebut bertujuan memberi manfaat, sekali gus menolak keburukan dan menghilangkan kemudarat.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, dalam kenyataan rasmi pada 27 Disember lalu, memuji inisiatif Kerajaan Negeri Terengganu atas pelaksanaan hukuman sebatan syariah di luar penjara secara terbuka di masjid.

Hukuman tersebut melibatkan pesalah khalwat berulang sebanyak tiga kali, dilaksanakan mengikut piawaian syariah yang bertujuan memperkuuhkan kesedaran masyarakat terhadap batasan agama.

“Hukuman sebatan secara tertutup yang melibatkan warden penja-



ra sahaja telah lama dilaksanakan di semua negeri.

“Namun, pelaksanaan secara terbuka dengan kehadiran sehingga 70 saksi seperti yang dilakukan Terengganu adalah langkah yang mengambil roh sebenar hukuman syariah.

“Ia tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang syariah,” ujarnya.

YB Mohd Asri turut menyeru

semua pihak agar tidak menceytuskan naratif mengelirukan atau berniat tidak baik, apatah lagi mempolitikkan isu pelaksanaan hukuman tersebut.

Sebaliknya, beliau menggesa semua pihak memberi kepercayaan penuh kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk melaksanakan hukuman mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

Beliau turut memaklumkan ba-

hawa Kerajaan Negeri Kelantan juga bersedia melaksanakan langkah serupa apabila tatacara dan SOP terbaik dirangka.

“Kelantan telah meluluskan perkara ini melalui Enakmen Tat-acara Jenayah Syariah 2002 (Pin-daan 2017), yang antara lainnya membolehkan hukuman sebatan dilaksanakan di khayal ramai,” tambahnya.

KEBERKATAN

PKD GAAL PERKENALKAN TEKNIK TANAM PADI HIBRID KEPADA PETANI

Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTEH, 31 Disember – Pusat Khidmat DUN (PKD) Gaal berhasrat memperkenalkan teknik penanaman padi hibrid sebagai langkah memajukan sektor pertanian tempatan dan meningkatkan pendapatan petani.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Ahli Dewan Negeri (ADN) Gaal, YB Mohd Rodzi Jaffar bersama rombongannya telah mendapatkan penerangan berkaitan teknologi padi hibrid daripada pakar pertanian terkenal, Dr. Fung Fwei Chong, di Chaah, Segamat, pada Khamis.

YB Mohd Rodzi memaklumkan bahawa padi hibrid tersebut berpotensi membawa perubahan besar kepada sektor pertanian tempatan, termasuk di Kelantan, kerana ia lebih tahan lasak, memerlukan kurang air, dan memberikan hasil yang tinggi.

“Hasil penyelidikan Dr. Fung menunjukkan padi ini mampu dituai sehingga lima kali sekali tanam,



dengan potensi menghasilkan 16 tan bagi setiap satu hektar untuk sekali tuaian. Teknologi ini adalah inovasi yang sesuai dengan keperluan pertanian moden,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau turut berharap teknologi ini dapat membantu meningkatkan produktiviti serta memperbaiki

taraf hidup para petani, sekali gus memacu pembangunan luar bandar.

Sementara itu, Dr. Fung menjelaskan, teknologi padi hibrid ini mampu memenuhi keperluan pertanian masa kini dan berpotensi menjadi pemangkin perubahan kepada pembangunan ekonomi ka-

wasan luar bandar.

“Dengan sokongan dan penglibatan pihak berkepentingan, usaha ini diyakini dapat memberikan impak positif jangka panjang kepada komuniti petani,” ujarnya.

Turut hadir, Pengarah Urus se-tia Penghulu Negeri Kelantan Zu-ikifli Mamat.

BANK ISLAM SALUR RM100,000 DANA ZAKAT BANTU MANGSA BANJIR KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

PASIR MAS, 29 Disember – Prihatin terhadap kesan banjir yang melanda Kelantan baru-baru ini, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menghulurkan sumbangan RM100,000 dari dana zakatnya un-

tuk membantu 150 keluarga asnaf dan lima masjid yang terjejas akibat bencana tersebut.

Misi bantuan itu berlangsung di Masjid Mukim Siram, Meranti pada Jumaat dengan penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan YAB

Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak Bank Islam atas keprihatinan dan komitmen mereka dalam membantu masyarakat.

“Kami berdoa agar Bank Islam

terus maju dan sentiasa komited dalam memberi manfaat kepada rakyat, khususnya ketika berdepan musibah seperti ini,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Bank Islam Negeri Kelantan Mohd Supardi Yatim berkata sumbangan yang disalurkan itu merangkumi barang makanan bernilai RM100 dan wang tunai RM200 untuk setiap 150 keluarga terjejas.

Manakala dana zakat berjumlah RM11,000 diperuntukkan kepada lima masjid terkesan di jajahan Pasir Mas, Bachok, Tumpat, Kuala Krai dan Machang.

“Semoga usaha murni ini dapat meringankan beban mangsa banjir dan membantu mereka bangkit semula selepas musibah,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Perhubungan Pelanggan Negeri Wan Rusmayaty Wan Hussin dan Pengurus Bank Islam Pasir Mas Hamidi Yahya.

TIADA LARANGAN JUALAN MAKANAN BERASASKAN KHINZIR DI PREMIS NON-MUSLIM DI KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 29 Disember – Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar, YB Hilmie Abdullah menegaskan bahawa makanan beras-

askan khinzir seperti Bak Kut Teh, Char Siu dan Siu Yuk tidak pernah dilarang dijual di premis khas untuk non-Muslim di Kelantan.

Beliau menyelar kenyataan YB Teo Nie Ching yang mendakwa bahawa pelaksanaan Sijil Halal di Kelantan akan menjelaskan ekonomi pengusaha restoran yang menjual makanan tersebut.

“Isu ini langsung tidak berkaitan dengan pelaksanaan Sijil Halal. Kenyataan yang dikeluarkan YB Teo Nie Ching hanya menimbulkan kekeliruan dan tidak berasas,”

tegas YB Hilmie ketika dihubungi, hari ini.

Menurut YB Hilmie, Kerajaan Kelantan komited dalam memastikan keharmonian masyarakat dan kebebasan beragama, di samping mengekalkan prinsip-prinsip pentadbiran Islam yang adil dan inklusif.

“Kita (kerajaan negeri) sentiasa menghormati hak peniaga non-Muslim untuk mengusahakan perniagaan mengikut kepercayaan dan keperluan komuniti masing-masing.

“Pelaksanaan Sijil Halal hanya terpakai kepada premis makanan yang ingin mendapatkan pengiktirafan tersebut, dan ia tidak pernah memberi kesan kepada perniagaan non-Muslim yang tidak memohon sijil berkenaan,” jelasnya.

YB Hilmie menyeru semua pihak agar tidak mempolitikkan isu berkaitan peraturan halal di Kelantan dan meminta agar kenyataan yang tidak tepat dihentikan demi menjaga keharmonian antara kaum serta keyakinan rakyat terhadap dasar kerajaan negeri.

MENTERI BESAR KELANTAN LUNASKAN KEWAJIPAN ZAKAT PENDAPATAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 31 Disember – Dalam kesibukan mentadbir urus negeri, komitmen terhadap tuntutan agama tetap dilunaskan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau menunaikan kewajipan zakat pendapatan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada Isnin.

Majlis penyerahan zakat yang berlangsung di Balai Islam Lundang, Kota Bharu itu turut dihadiri isterinya Datin Panglima Perang Ustazah Wan Nor Hanita Wan Yaakob.

Kehadiran pasangan pemimpin mesra rakyat itu disambut para pegawai MAIK sebagai saksi penyerahan zakat pendapatan teraju utama negeri Kelantan demi menyokong institusi zakat negeri.

Majlis turut diserikan dengan doa khas oleh Ketua Pegawai Zakat Tuan Ameer Azeezy Tuan Abdullah yang memohon agar keberkatan menyelubungi kehidupan Menteri Besar sekeluarga dan semua pembayar zakat di Kelantan.

Menurut Unit Komunikasi Korporat MAIK, program pengumpulan zakat pendapatan merupakan antara inisiatif utama pihak mereka dalam memastikan keperluan golongan asnaf dipenuhi. Semua data kutipan dan agihan zakat kini dipaparkan melalui MyMAIK



Dashboard, sebuah aplikasi yang membolehkan pengguna mengakses maklumat secara masa nyata.

Aplikasi itu dibangunkan untuk memastikan ketelusan dalam pengurusan zakat serta memudahkan

masyarakat mengikuti perkembangan agihan kepada golongan yang layak.

KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI “MONSOON CUP PASIR PUTEH” JADI ACARA TAHUNAN - EXCO PELANCONGAN

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 30 Disember - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) dan Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) akan menjadikan Kejohanan Bola Sepak Pantai “Monsoon Cup Pasir Puteh” sebagai acara tahunan, kata Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor.

Menurut beliau, kejohanan itu boleh dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan untuk menarik pelancong datang ke Kelantan dalam musim tengkujuh.

“Hari ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada MDPP dan TIC kerana telah mengambil Inisiatif dengan menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Pantai Monsoon Cup Pasir Puteh 2024 sebagai satu daya tarikan pelancong untuk datang ke Kelantan pada musim tengkujuh.

“Dalam menghargai inisiatif yang baik ini, saya pertimbangkan untuk menjadikan kejohanan ini sebagai acara tahunan. Ia akan dimasukan dalam kalendar “event” pelancongan Negeri Kelantan setiap tahun”.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis penyampaian hadiah Kejohanan Bola Sepak Pan-



tai Monsoon Cup Pasir Puteh 2024 di Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh pada Ahad.

Untuk rekod, kejohanan yang berlangsung selama dua hari pada 28 dan 29 Disember itu telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 60 pasukan dari negeri di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Kejohanan tersebut menawarkan hadiah sebanyak RM3000, piala dan medal kepada johan, RM1500 dan medal kepada naib johan dan RM500 berserta medal kepada tempat ketiga bersama.

Johan disandang oleh pasukan Otai Pulut Ikan Bakar (OPIB) dari Besut Terengganu, yang mene-

waskan pasukan Malika yang juga dari Besut dalam perlawanan akhir dengan keputusan dua gol berbalas satu (2-1).

Hadiyah kepada pemenang disampaikan oleh YB Datuk Kamarudin Md Nor.

Tambah YB Datuk Kamarudin, pihaknya juga akan menganjurkan pesta makanan musim tengkujuh pada Januari nanti.

“Makanan musim tengkujuh ini biasanya tidak ada pada musim lain. Contohnya putu halba hanya ada pada musim tengkujuh atau musim hujan sahaja. Apabila orang tengok ada jual putu halba, mereka akan kaitkan dengan musim tengkujuh atau musim hujan.

“Pihak TIC dan Majlis Daerah Pasir Mas sedang membuat persiapan untuk penganjuran pesta makanan tersebut,” ujarnya.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Puteh Mohd Roshdi Ismail, Ahli Dewan Negeri (ADN) Semerak YB Norsyam Sulaiman, ADN Limbongan YB Nor Asilah Md Zin, ADN Gaal YB Rodzi Jaafar, Ketua Penolong Setiausaha (Pelancongan) Mohd Zaki Ismail, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Negeri Kelantan Mohd Aidil Afizei Daud, Ketua Whip Ahli Majlis MDPP Wan Hasan Wan Ibrahim dan Setiausaha MDPP Zulkarnean Isa.



DARULNAIM

MENTERI BESAR KELANTAN LUNASKAN KEWAJIPAN ZAKAT PENDAPATAN

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1446H | 29 DIS 24 – 2 JAN 25

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

KELANTAN PERKENALKAN TIGA NILAI INSPIRASI TADBIR URUS UNTUK PEMBANGUNAN INKLUSIF

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 2 Januari – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan komitmen kerajaan negeri dalam memperkuatkan tadbir urus melalui pengenalan tiga Nilai Inspirasi Tadbir Urus; Tadbir Urus Berintegriti, Tadbir Urus Berwawasan, dan Tadbir Urus Berkualiti.

Langkah tersebut bertujuan memastikan keberhasilan pengurusan yang berterusan dan menyokong pembangunan negeri secara inklusif.

Katanya, ketiga-tiga nilai tadbir urus itu merupakan tonggak kekuatan yang membolehkan sebuah kerajaan dapat memacu pentadbiran yang cemerlang sekali gus mampu menuaikan amanah yang digalas dengan sempurna.

Beliau turut memetik ilmu dan hikmah daripada pesanan mantan Menteri Besar Kelantan Almarhum Tok Guru Nik Aziz berkaitan “Ilmu secupak, hikmah mestilah segantang” yang bermaksud ilmu mesti beriringan dengan hikmah, bahkan hikmah hendaklah lebih banyak daripada ilmu.

Sehubungan itu, beliau menyeru penjawat awam negeri agar menggandakan usaha ke arah menjadikan Kelantan sebagai negeri contoh yang berdaya saing dan penuh keberkatan.

“Marilah kita menggandakan usaha dan memperkuatkan azam



untuk menjadikan Kelantan sebagai model negeri berdaya saing dan penuh keberkatan.

“Semoga tahun baharu ini membawa kekuatan dan rahmat kepada seluruh kepimpinan serta rakyat negeri ini,” katanya dalam ucapan Amanat Tahun Baharu 2025 di hadapan lebih 1,000 penjawat awam yang memenuhi Dewan Tok Guru Dato’ Bentara Setia, Kota Darulnaim, hari ini.

Dato’ Mohd Nassuruddin turut mengimbau inisiatif Strategi Lautan Hijau yang dilancarkan oleh kerajaan negeri pada tahun 2020 yang menekankan pembangunan mampan melalui integrasi nilai sosial, ekonomi, dan alam sekitar.

“Sebahagian besar Belanjawan 2025 disasarkan untuk menyokong pelaksanaan strategi ini, dengan tumpuan kepada pelestarian alam sekitar, pengurusan sumber air bersepadu, serta penyelesaian isu banjir dan bekalan air bersih.

“Pelaksanaan Hala tuju Portfolio Kerajaan Negeri 2024 - 2028, yang merangkumi 89 mercu tanda, 117 bidang fokus, 337 strategi, dan 750 Pelan Tindakan, dijadikan penanda aras utama kepada semua jabatan dan agensi di bawah kerajaan negeri.

“Usaha berkenaan dilaksanakan melalui pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) dengan objektif utama termasuk meningkatkan pertumbuhan KDNK negeri sekurang-kurangnya 6 peratus setiap tahun, meningkatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran,” jelasnya.

Di samping usaha untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dan mengoptimalkan hasil negeri serta menyelesaikan isu utama pembangunan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan.

“Kunci kejayaan kepada pembawaan yang dimasyurkan ini terletak kepada elemen kebersamaan

“Marilah kita menggandakan usaha dan memperkuatkan azam untuk menjadikan Kelantan sebagai model negeri berdaya saing dan penuh keberkatan.”

dan kesepaduan antara pimpinan kerajaan negeri dan seluruh jabatan serta agensi kerajaan di peringkat negeri mahupun persekutuan.

“Inilah yang saya tegaskan semasa pertemuan dengan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam kunjung hormat ke pejabat saya, semalam. Hubungan yang baik dalam konteks federalisme adalah amat penting untuk pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat,” ujarnya.

Tambahnya, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Belanjawan 2025, kerajaan negeri turut memperkenalkan Sistem Pemanfaatan Prestasi dan Keberkesanan (i-SPARK) yang dibangunkan oleh Kelantan ICT Gateway Sdn Bhd bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Sistem itu dijangka meningkatkan ketelusan dan kecekapan pentadbiran melalui laporan kemajuan berkala.



AMANAT TAHUN BAHRU 2025

Nilai Inspirasi Tadbir Urus

Pertama
Tadbir Urus Berintegriti الحاكمية بالنزاهة

Kedua
Tadbir Urus Berwawasan الحاكمية بالرؤى

Ketiga
Tadbir Urus Berkualiti الحاكمية بالجودة

Untuk Komuniti Mewati Urai (UKAU)